

01 DEC 1999

Abdullah-Umno

PENDEKATAN UMNO TERHADAP ISLAM AKAN TETAP SAMA, KATA TPM

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Umno tidak akan menggunakan pendekatan Islam yang radikal untuk menawan semula Terengganu dan Kelantan yang jatuh ke tangan PAS pada pilihan raya umum Isnin lepas, akhbar Straits Times Singapura memetik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai berkata.

Dalam satu laporan bertajuk "Umno won't go the PAS way" hari ini, ia memetik Abdullah, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, sebagai berkata bahawa "kami (Umno) adalah orang yang amat sederhana".

"Pendekatan terhadap agama akan terus kekal sama. Ia tidak pernah menyebabkan pergolakan atau kebimbangan di kalangan bukan Islam," katanya.

"Pelampau agama, walaupun datang daripada orang Islam, kami akan bantah," katanya.

Semalam, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dipetik sebagai berkata bahawa tekanan kini di bahu Umno untuk bersaing dengan PAS di kawasan penduduk Islam berikutan pencapaian dramatik PAS di kubu kuat Umno dalam pilihan raya umum Isnin lepas.

Lim, yang gagal memenangi sebarang kerusi pada kali ini berkata Umno kini menghadapi tekanan untuk memperjuangkan dasar-dasar Islam.

Barisan Nasional (BN) memenangi 148 daripada 193 kerusi parlimen manakala PAS menambah kerusi parlimennya daripada tujuh pada pilihan raya 1995 kepada 27 pada pilihan raya umum Isnin.

Abdullah berkata kerajaan gembira dengan mandat dua pertiganya.

"Kami mendapat mandat yang kuat dan ada sebab untuk gembira. Kami memperoleh kira-kira 56 peratusan undi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata secara keseluruhannya, mesej daripada pengundi jelas bahawa mereka masih mahukan BN "tetapi dengan beberapa perubahan".

"Saya berpendapat personaliti calon telah menjadi isu utama. Orang ramai semakin memandang berat imej orang yang bertanding," kata Abdullah.

Ditanya sama ada pola pengundian menandakan perpecahan yang serius di kalangan masyarakat Melayu, Abdullah said: "Saya berpendapat tiada perpecahan yang serius. Orang Melayu juga mengundi kami (Umno).

"Tetapi terdapat desakan yang lebih kuat oleh orang Islam dan golongan muda Islam bahawa lebih banyak patut dibuat untuk Islam. Terdapat salah faham terhadap kami mengenai isu Islam. Pendekatan kami selama ini ialah membangunkan lagi orang Islam," katanya.

Ditanya mengenai pendapat beliau terhadap cabaran pembangkang, Abdullah berkata PAS kekal menjadi parti pembangkang paling kuat.

"Malahan, Parti Keadilan Nasional yang telah membantu PAS pada pilihan raya kali ini. Mereka memperjuangkan reformasi dan PAS mengambil peluang itu dengan amat cepat. Dan ia mempunyai kelebihan untuk ditawarkan berbanding Keadilan. Ia ada Islam," katanya.

Abdullah berkata Keadilan yang menderita. "Lembah Klang merupakan kubu mereka tetapi BN mampu mengekalkan kedudukannya," katanya.

Keadilan hanya mampu memperoleh lima kerusi parlimen dalam pilihan raya umum ini.

Bagi PAS pula, Abdullah berkata: "PAS pada hari ini adalah berbeza daripada yang dahulu.

"Imej pondok kini sudah berubah. Mereka mempunyai profesional dan kelas pertengahan dalam kelompok mereka. Kami berharap menerusi orang-orang ini,

akan terdapat perubahan dalam dasar-dasar PAS terhadap Islam yang tidak lagi radikal," katanya.

Mengenai DAP, Abdullah berkata parti itu telah tewas dalam pilihan raya ini.

"Masyarakat Cina telah menunjukkan sokongan yang lebih kuat terhadap BN," katanya.

Ditanya sama ada sokongan kuat masyarakat Cina itu akan memberikan tekanan yang lebih kuat dalam BN, Abdullah berkata: "Perjanjian antara anggota gabungan itu akan kekal. Jika anda bercakap mengenai dasar, Umno amat responsif kepada semua anggota gabungannya."

Kepada soalan bahawa sesetengah orang menyatakan bahawa perpindahan undi orang Melayu ditujukan kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdullah said: "Kritikan terhadap Dr Mahathir merupakan kritikan terhadap kami. Anda tidak boleh pisahkan Dr Mahathir daripada Umno".

Ditanya sama ada penggantian politik kini dalam agenda, Abdullah berkata: "Isu itu tidak pernah ditimbulkan. Bagi Umno, Umno menyokong penuh Dr Mahathir".

Ditanya sama ada keputusan pilihan raya itu akan memberikan sebarang kesan terhadap dasar perniagaan, Abdullah berkata rakyat Malaysia dan orang asing tidak harus menjangkakan perubahan dalam sikap kerajaan terhadap perniagaan.

"Sektor swasta akan terus menjadi jentera pertumbuhan," katanya.

-- BERNAMA

ES RHM